

UJIAN BULANAN SESI AKADEMIK 1

MARKAH				
BAHAGIAN A	BAHAGIAN B	BAHAGIAN C	BAHAGIAN D	JUMLAH
10	10	10	20	50


1 jam 15 minit

Bahagian A [10 markah]

Soalan 1 hingga 4

Pilih jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



- 1 Priya membeli beberapa _____ anggur kesukaan adiknya.
 A genggam
 B biji
 C gugus
 D ulas
- 2 Stor _____ barang-barang jualan itu musnah dalam kebakaran.
 A simpanan
 B menyimpan
 C disimpan
 D penyaliran
- 3 Sebagai _____ Malaysia, kita hendaklah menunjukkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada negara.
 A setiausaha
 B antarabangsa
 C warganegara
 D bumiputera
- 4 Pilih ayat yang betul.
 A Puan Kamelia menghidangkan tetamu nasi lemak.
 B Kerja-kerja memperdalamkan longkang itu dijalankan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
 C Janet membuat ayahnya secawan kopi.
 D Haji Ayob memperisterikan anaknya dengan seorang gadis kampung.

Soalan 5 hingga 7

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan berikutnya.

Tragedi satu keluarga yang hilang selepas dihanyutkan kepala air baru-baru ini mengejutkan pelbagai pihak. Kejadian *menyayat* hati itu berlaku ketika kesemua mangsa sedang berkelah di sebuah jeram.

Fenomena kepala air sering berlaku apabila aliran air sungai yang kuat akibat hujan lebat di kawasan anak sungai atau hulu sungai mengalir ke sungai utama. Fenomena ini berlaku ketika hujan lebat dan cuaca tidak menentu. Kadang kala kawasan hilir sungai tidak berlaku hujan lebat, namun hujan lebat dan luar biasa di kawasan hulu juga mengakibatkan berlaku fenomena kepala air.

Keadaan ini sangat berbahaya kerana aliran arus dan air yang kuat ini membawa bersama sampah-sarap seperti daun kering, ranting kayu, kelodak, batu, dahan pokok atau balak yang dibuang di sungai. Aliran air sungai dan arus yang kuat ini merempuh apa sahaja yang ada di laluannya. Disebabkan aliran yang kuat inilah mangsa tidak sempat menyelamatkan diri.


Tanda berlaku fenomena kepala air ini ialah cuaca gelap di hulu sungai atau puncak bukit yang menandakan hujan di kawasan berkenaan. Paras air akan meningkat naik secara tiba-tiba, berubah warna kepada kekuning-kuningan dan berbuih dengan jumlah yang banyak di permukaan.

- 5 Apakah punca berlakunya kepala air?
- A Perubahan cuaca akibat musim tengkujuh.
 - B Sungai dipenuhi sampah-sarap dan sisa buangan.
 - C Aliran air sungai yang kuat akibat hujan lebat di kawasan sungai.
 - D Kedalaman sungai berubah akibat hakisan tanah.
- 6 Berikut merupakan tanda-tanda kepala air, *kecuali*
- A paras air meningkat.
 - B air berubah menjadi jernih.
 - C buih yang banyak di permukaan air.
 - D cuaca gelap di hulu sungai atau puncak bukit.
- 7 Perkataan *menyayat* dalam petikan sesuai digantikan dengan perkataan
- A menyedihkan.
 - B membimbangkan.
 - C menyusahkan.
 - D menyukarkan.

Soalan 8 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti. Kemudian jawab soalan yang berikutnya.

Bahan 1



Bahan 2

Demam denggi ialah penyakit jangkitan virus yang merebak melalui gigitan nyamuk *Aedes Aegypti* yang telah dijangkiti. Demam denggi terdiri daripada demam denggi biasa atau demam denggi berdarah yang boleh membawa maut.

Masih tiada rawatan khas untuk demam denggi. Pesakit yang mengalami tanda-tanda dan menunjukkan gejala-gejala demam denggi hendaklah mendapatkan rawatan segera. Pesakit akan diberikan ubat demam dan dinasihatkan berehat serta digalakkan minum air.

Terdapat pelbagai jenis cara untuk mencegah demam denggi. Antaranya memastikan tiada tempat pembiakan nyamuk dan membuang bekas yang boleh menampung air. Pastikan tangki air, bekas tadahan hujan ditutup. Membela ikan di dalam kolam ikan juga dapat mengurangkan jentik-jentik.

Kita boleh mengambil langkah-langkah melindungi diri untuk mengelakkan gigitan nyamuk seperti memastikan tingkap dan pintu sentiasa ditutup. Sapukan ubat penghalau nyamuk pada anggota yang terdedah. Pakai baju berwarna cerah dan berlengan panjang sewaktu keluar rumah. Pasangkan ubat lingkaran nyamuk dan ubat nyamuk elektrik di kawasan tertutup.

- 8 Apakah punca demam denggi?
- A Virus
 - B Bakteria
 - C Fungus
 - D Parasit
- 9 Apakah kaedah rawatan untuk demam denggi?
- A Pesakit akan diberi antibiotik setiap hari.
 - B Pesakit dikuarantin dan ditempatkan di bilik isolasi.
 - C Pesakit digalakkan mengambil makanan yang berempah.
 - D Pesakit diberikan ubat demam dan dinasihatkan supaya berehat.
- 10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.
- A Demam denggi diakibatkan oleh gigitan nyamuk tiruk.
 - B Tangki dan bekas tadahan air perlu sentiasa dibiarkan terbuka.
 - C Rawatan khas untuk demam denggi ialah dengan pemberian vaksin.
 - D Membela ikan di dalam kolam ikan dapat mengurangkan jentik-jentik.

Bahagian B
[10 markah]

Soalan 1

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Sukan ekstrem atau sukan lasak merupakan sukan yang memerlukan jati diri dan semangat yang tinggi dalam mengharungi cabaran getir. Sukan ini menguji daya ketahanan minda, fizikal dan berisiko tinggi.

Kini, sukan ekstrem semakin popular di Malaysia. Penglibatan dalam aktiviti sukan ekstrem kian mendapat sambutan hangat daripada pelbagai golongan terutamanya golongan belia. Aktiviti sukan ini bukan sahaja memerlukan kekuatan fizikal malah mental juga memainkan peranan penting.

Antara aktiviti lasak yang mendapat tempat di hati penggemarnya ialah memanjat tembok tiruan, terjunan udara, *parasailing*, mendaki gunung, berbasikal lasak, dan menjelajah gua. Terdapat juga aktiviti rekreasi sukan ekstrem berasaskan air seperti mengharungi sungai berjeram, berkayak di arus deras, memandu *jet ski* dan menyelam scuba.

Sukan ekstrem juga antara hobi khusus untuk mereka yang benar-benar ingin mencabar diri. Rasa takut dan gentar diukur dengan kemampuan dan keberanian melakukan aktiviti yang mencabar walaupun sangat berbahaya. Sukan ekstrem cenderung berbahaya jika tidak dilakukan dengan teliti dan disokong oleh peralatan yang mencukupi.

a) Apakah maksud sukan ekstrem?

(1 markah)

b) Nyatakan **dua** contoh sukan ekstrem yang terdapat dalam petikan.

(2 markah)

Sukan ini menguji daya ketahanan minda, fizikal dan berisiko tinggi.

c) Gariskan **satu kata adjektif** yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

(1 markah)

d) Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

Kini, sukan ekstrem semakin popular di Malaysia

Di Malaysia, sukan ekstrem semakin mendapat tempat.	
Pada masa kini, sukan ekstrem sangat popular di Malaysia.	

(1 markah)

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawaban kamu hendaklah **tidak lebih daripada 30 patah perkataan.**

Fazima diundang ke majlis perkahwinan abang kepada rakannya Swee Ling. Fazima agak teruja kerana dia tidak pernah menghadiri majlis perkahwinan kaum Cina sebelum ini.

Pada pendapat kamu, apakah tindakan yang boleh diambil oleh Fazima?

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

(5 markah)


Bahagian C
[10 markah]

Gambar rajah di bawah menunjukkan panduan penjagaan kebersihan diri.

Tuliskan pendapat kamu tentang **cara menjaga kebersihan diri**.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam **satu perenggan**.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.



This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

(10 markah)

[20 *markah*]

Teliti gambar di bawah. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk **karangan berformat** atau **karangan tidak berformat**.

Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

[illegible]

(20 markah)